



UPSI bangun AI bimbing ibu bapa didik, urus anak

Tanjong Malim, 1 Jun - Sebuah sistem *e-parenting* berasaskan kecerdasan buatan (AI) yang dibangunkan hasil kerjasama antara pakar pendidikan awal kanak-kanak dan industri teknologi dilancarkan sempena sambutan Hari Guru bagi membantu ibu bapa menangani pelbagai isu tingkah laku dan perkembangan anak-anak.


Pengarah Pusat Pedagogi, Penyelidikan dan Inovasi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang juga Pakar Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Prof. Dr. Nordin Mamat berkata, beliau bekerjasama dengan Akademi-AI bagi membangunkan sistem berkonsepkan "Ask Prof" Platform AI interaktif ini menterjemahkan hasil kajian serta pengalaman beliau dalam bidang keibubapaan. Menurut beliau, idea tersebut tercetus selepas menyedari masyarakat kini lebih cenderung menggunakan platform digital berbanding membaca buku.

"Sistem yang kita lihat di sini ialah *masterclass parenting* menggunakan kajian dan pengalaman yang saya telah lakukan, kemudian diterjemahkan dalam bentuk *e-parenting* dan AI. Istilah paling mudah ialah 'Ask Prof'. "Daripada hasil kajian lebih tiga tahun, kita dapati orang sekarang kurang membaca buku, mereka lebih gemar kepada medium digital. Jadi saya fikir ini mungkin jalan penyelesaian untuk generasi akan datang," katanya kepada Utusan Pelajar

ketika ditemui pada majlis pelancaran Sistem AskProf sempena Pameran Private and International School (PISF) di ibu negara baru-baru ini. Beliau berkata, sistem itu turut menjadi simbol kerjasama pintar antara universiti dan industri teknologi bagi memastikan ilmu akademik dapat dimanfaatkan masyarakat secara lebih meluas. "Kepakaran industri dalam bidang AI digabungkan dengan ilmu, kemahiran dan kandungan akademik daripada universiti untuk menghasilkan platform yang lebih praktikal kepada pengguna. "Ilmu bukan untuk tersimpan di universiti sahaja. Kita mahu bawa keluar kepada masyarakat. Saya rasa ini yang pertama di Malaysia yang menggabungkan AI dan *parenting* secara khusus. "Kalau AI lain mungkin bersifat umum, tetapi sistem ini lebih spesifik kerana hampir semua jawapan adalah berdasarkan buku, penulisan dan kajian saya sendiri," katanya. Tambah beliau, sistem itu dibangunkan khusus untuk membantu ibu bapa yang sering berdepan kesukaran memahami tingkah laku anak-anak.

Pengguna boleh bertanya pelbagai soalan berkaitan perkembangan kanak-kanak termasuk isu anak menangis, lambat bercakap, agresif atau masalah tingkah laku lain. "Saya sediakan kira-kira 25 kaedah bagaimana membimbing tingkah laku kanak-kanak. Kadang-kadang ibu bapa tidak tahu apa yang perlu dibuat apabila anak menghadapi masalah tertentu. "Sebab itu kita mahu jadikan sistem ini sebagai penyelesaian supaya ibu bapa tidak lagi terkial-kial mencari jawapan. "Sasaran utama sistem ini diwujudkan ialah golongan ibu bapa selain guru, tadika dan taska menerusi sesi penerangan serta perkongsian di institusi pendidikan awal kanak-kanak.

"Malah, sistem ini juga boleh dijadikan sebagai medium bantuan kepada guru dalam membimbing ibu bapa memahami perkembangan anak-anak," katanya. Dalam pada itu, beliau berkata, motivasi utama penciptaan sistem tersebut adalah untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa bahawa pelaburan terbaik untuk anak-anak adalah pada usia lahir hingga enam tahun.





UPSI bantu pelajar B40 cemerlang teruskan pengajian diploma

Tanjong Malim, 23 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menghulurkan bantuan segera berjumlah RM2,207.55 kepada seorang bakal pelajar cemerlang daripada keluarga B40 bagi memastikan impiannya melanjutkan pengajian ke peringkat diploma tidak terhalang akibat kekangan kewangan. Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata universiti berpegang kepada prinsip bahawa tiada pelajar yang layak dan berpotensi dinafikan peluang melanjutkan pengajian semata-mata kerana kesempitan hidup.

"UPSI sentiasa komited memastikan akses kepada pendidikan tinggi dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang ekonomi keluarga. Selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), kami mahu memastikan tiada pelajar yang tercicir disebabkan faktor kemiskinan.

"Justeru, sebaik sahaja menerima maklumat mengenai kesulitan yang dihadapi pelajar ini, pihak universiti melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) serta Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) segera mengambil langkah menyalurkan

bantuan bagi memastikan urusan pendaftarannya berjalan lancar," katanya dalam satu kenyataan hari ini. Bantuan itu disalurkan kepada Muhammad Amirul Ashraf Ahjar, 18, yang bakal mendaftarkan diri dalam Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) di UPSI pada 9 Jun ini. Muhammad Amirul merupakan pelajar cemerlang yang memperoleh keputusan 6A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menerusi aliran Sains Komputer dan Rekacipta. Beliau bagaimanapun berdepan cabaran kewangan apabila bapanya yang bertugas sebagai anggota tentera dengan pendapatan RM1,602 sebulan baru-baru ini disahkan menghidap penyakit jantung, manakala ibunya tidak bekerja dan keluarga itu turut menanggung dua lagi anak yang masih bersekolah. Dr. Md Amin berkata bantuan berjumlah RM2,207.55 yang diluluskan melalui WEZAS itu merangkumi yuran pendaftaran, yuran pengajian dan yuran kolej kediaman bagi semester pertama pengajian Muhammad Amirul.

"Bantuan ini bukan sekadar membantu meringankan beban kewangan keluarga, malah memberi keyakinan kepada pelajar untuk memulakan pengajian dengan lebih tenang dan fokus.

Mahasiswa FTV UPSI Tonjol Inovasi dan Teknologi dalam Jelajah AIM TVET 2026

Serdang, 23 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terus mencipta kecemerlangan apabila seramai tujuh orang mahasiswa berjaya melayakkan diri ke Pusingan Akhir, Olimpiad Matematik Universiti Malaysia 2026 (OMUM2026) yang berlangsung di Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM), Universiti Putra Malaysia (UPM).

Penyertaan tersebut membuktikan keupayaan mahasiswa UPSI dalam bidang matematik serta daya saing mereka di peringkat kebangsaan. Delegasi UPSI turut diiringi oleh tiga orang pensyarah iaitu Dr. Adib bin Mashuri, Dr. Noor Alhuda binti

Madzlan dan Encik Mohamad Faiz Farhan bin Abdul Rahman bagi memberikan sokongan kepada para peserta sepanjang pertandingan pusingan akhir berlangsung.

OMUM2026 merupakan pertandingan berprestij yang menghimpunkan mahasiswa daripada pelbagai institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS). Pada tahun ini, seramai 154 peserta daripada 18 IPTA dan IPTS telah menyertai pusingan kelayakan sebelum hanya 74 peserta terbaik berjaya dipilih ke pusingan akhir hadapan.



Darah Ragbi Gegarkan Tanjong Malim: 1,000 Orang Warga Sukan Warnai UPSI Rugby Carnival 2026

Tanjong Malim, 23 Mei - Sorakan gempita dan impak pertembungan fizikal yang padu memecah keheningan Padang Utama Kampus Sultan Abdul Jalil Shah apabila menjadi medan tempur Program UPSI Rugby Carnival 2026.

Kejohanan yang bertemakan "Memperkasa Belia Melalui Sukan MADANI" ini berlangsung meriah dengan menghimpunkan komuniti ragbi, kelab-kelab elit, serta institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dari seluruh Malaysia.

Program berskala kebangsaan ini diterajui secara proaktif oleh Exco Sukan dan Rekreasi Majlis Mahasiswa Kolej Harun Aminurrashid (MMKHAR), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Kelab Eagles UPSI, serta mendapat sokongan penuh daripada Pusat Sukan UPSI. Kejohanan berprestij ini bertindak sebagai platform transformasi holistik bagi melahirkan "The Thinking Athlete" sebagai satu formula melahirkan atlet mahasiswa yang bukan sahaja 'keras' dan taktikal di padang ragbi, tetapi juga tajam di dewan kuliah (*Dual Career*).

Di samping itu, setiap pasukan memanfaatkan sepenuhnya platform ini untuk menguji kemampuan pemain, memperkemaskan variasi taktikal, serta membina keserasian menjelang pelbagai kejohanan besar sepanjang tahun. Dalam Kategori Terbuka, perlawanan berlangsung dalam atmosfera yang cukup kompetitif dan padat dengan aksi ragbi moden.

Penonton disajikan dengan impak tackle yang menggegarkan, larian *darting run* membelah benteng, serta perebutan bola yang sengit di situasi scrum dan *line-out* demi memburu pukulan *try*. Setelah bertempur hebat, pasukan UPSI Senior membuktikan dominasi mereka apabila muncul sebagai Juara Keseluruhan mutlak selepas mempamerkan aksi kelas pertama sepanjang kejohanan. Kami mahu UPSI Rugby Carnival menjadi medan yang mampu menyatukan komuniti ragbi Malaysia dalam satu suasana yang positif dan kompetitif. Apabila kelab-kelab serta IPTA dapat berkumpul, ia membuka ruang kepada perkongsian pengalaman, pembangunan bakat, serta mengeratkan ukhuwah dalam kalangan warga ragbi," ujar Pengarah Program, saudara Nazrul Afiq bin Roslan. Beliau turut melahirkan rasa terharu atas sambutan luar biasa daripada pasukan yang bertanding, ibu bapa, dan para penyokong.

Selain kehangatan aksi Kategori Terbuka, tumpuan peminat sukan turut terarah kepada Kategori Bawah 12 Tahun (U12) yang melibatkan penyertaan sengit 15 pasukan. Menariknya, sebahagian besar pemain yang beraksi merupakan 'ubi muda' terbaik yang sedang membuat persiapan rapi untuk mewakili negeri masing-masing ke kejohanan anjuran Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) yang akan berlangsung pada Jun ini.

Kehadiran aset masa depan negara ini membuktikan kejohanan anjuran

MMKHAR ini semakin diyakini sebagai platform persediaan berkualiti bagi pembangunan ragbi di peringkat akar umbi.

Menurut Dr. Haji Che Anuar bin Che Abdullah, Pengetua Kolej Harun Aminurrashid, kehadiran pemain-pemain peringkat negeri ini memberikan petunjuk yang sangat positif. "Melihat pemain muda yang bakal membawa cabaran negeri turun beraksi di sini membuktikan bahawa kejohanan ini mampu membantu proses pembangunan bakat serta memberi pendedahan pertandingan yang diperlukan sebelum mereka bersaing di peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Kejayaan penganjuran ini turut mendapat perhatian dan sokongan daripada Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan, YB Dato' Khairudin Bin Abu Hanipah, yang telah memberikan sumbangan khas bagi membantu menjayakan UPSI Rugby Carnival 2026. Sokongan konkrit ini menjadi pemangkin besar kepada usaha murni universiti dalam memangkin bakat sukan khususnya dalam kalangan pelajar dan atlet muda negara.

Walaupun pertempuran di atas padang berlangsung dengan penuh fizikal, sifat kesukanan sejati tetap diterjemahkan apabila semua pemain saling bersalaman dan berpelukan sebaik sahaja wisel penamat ditupkan dan membuktikan nilai setiakawan ragbi yang tiada tandingan.

